

Ekonomi Domestik Pemacu Pertumbuhan Ekonomi Malaysia

oleh Musalmah Johan

Pegawai Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Pada masa sekarang Malaysia telah sekali lagi berdepan dengan krisis ekonomi dan kewangan apabila harga minyak dan komoditi dunia jatuh disamping diuji dengan nilai ringgit yang terus rendah sehingga mencapai paras terendah dalam tempoh 9 tahun berbanding dollar Amerika (sehingga 8 Jun 2015). Dalam suasana ekonomi global yang kurang stabil dan tidak menentu ini telah mengakibatkan hasil negara turut berkurangan dan seterusnya telah mengesani ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

Disamping berdepan dengan cabaran di atas, cabaran terbesar yang harus ditangani oleh Malaysia pada masa sekarang ini adalah bagaimana untuk mengukuhkan sektor domestik agar kita tidak berdepan dengan risiko kehilangan momentum pertumbuhan ekonomi dan pasaran pada masa akan datang. Didalam komponen permintaan domestik ini terdapat beberapa sub-komponen yang boleh mempengaruhi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara. Penggunaan swasta dan awam merupakan salah satu daripada sub-komponen tersebut. Sub-komponen penggunaan swasta ini dipengaruhi oleh pendapatan isi-rumah. Kestabilan pendapatan isi-rumah ini pula dipengaruhi oleh kestabilan pasaran buruh. Manakala penggunaan sektor awam pula adalah dipengaruhi oleh perbelanjaan sektor awam untuk pembangunan negara dan rakyat.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Mengambil contoh pada masa dimana dunia dikejutkan dengan krisis kewangan yang meletus di Amerika Syarikat (AS), rentetan dari kemelut gadai janji sub-prima di negara tersebut yang merebak keseluruh dunia sekitar tahun 2008 yang lalu, ianya telah mengurangkan permintaan ke atas eksport Malaysia seterusnya memperlahankan aktiviti firma dan akhirnya mengesani kemampuan sektor isi-rumah untuk berbelanja.

Walau bagaimanapun, kepantasan kerajaan bertindak dan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi, keseluruhannya berjumlah 67 billion ringgit atau 9 peratus daripada KDNK dalam tahun 2008 dan 2009, telah dapat merangsang semula pertumbuhan ekonomi sehingga dapat sedikit sebanyak mengekang kesan kelembapan ekonomi. Ini telah mengurangkan kesan penguncupan ketara eksport dan permintaan swasta dalam negeri. Tambahan pula kerajaan pada masa itu telah mengesa para majikan terutama di sektor pembuatan agar tidak memberhentikan pekerja tempatan. Kesan daripada langkah kerajaan ini dapat menstabilkan pendapatan boleh guna isirumah yang seterusnya mengurangkan kadar penurunan penggunaan swasta. Tambahan pula pakej rangsangan yang diberikan dapat memberikan rangsangan kepada pertumbuhan permintaan domestik pada ketika itu.

Pada masa sekarang ini pula, hasil negara semakin berkurangan akibat daripada harga minyak yang rendah berserta juga dengan perdagangan luar yang kurang berdaya merangsang pertumbuhan ekonomi, maka permintaan domestik mestilah sentiasa dalam keadaan bersiap sedia untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi semasa. Mengambil iktibar dari keadaan pada masa lalu, maka kerajaan telah sekali lagi memperkenalkan pekej rangsangan yang berupa pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), bantuan persekolahan sebanyak RM100 dan Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M). Bagi pihak swasta pula, para majikan seharusnya pada masa keadaan kegawatan sekarang ini dapat

melaksanakan satu tanggungjawab sosial dengan tidak memberhentikan pekerja. Tindakan ini sedikit sebanyak akan dapat menstabilkan pendapatan boleh guna isi-rumah yang seterusnya dapat mengurangkan kadar penurunan penggunaan swasta.

Di kalangan pekerja pula, penekanan kepada peningkatan produktiviti yang bermatlamat membantu meningkatkan pendapatan melalui penambahan inovasi dan kreativiti dikalangan mereka seharusnya ditekankan. Ini adalah kerana cabaran seterusnya yang harus ditangani oleh Malaysia bukanlah terletak pada polisi-polisi kewangan serta pekej-pekej rangsangan yang berbentuk pemberian BR1M, bantuan persekolahan sebanyak RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dan Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M) serta gesaan untuk menstabilkan pasaran buruh yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi terdekat, tetapi jauh daripada itu bagaimanakah Malaysia dapat menangani pembangunan jangka panjang.

Memandangkan landskap ekonomi dan kewangan global kini lebih kompetitif negara turut berdepan dengan persaingan yang kian hebat, terutamanya daripada negara-negara serantau, untuk menarik aliran masuk pelaburan asing serta tenaga kerja mahir dan berpengetahuan. Pada hakikatnya, cabaran ekonomi masa depan yang menanti Malaysia akan lebih rumit dan mencabar. Formula kejayaan pembangunan negara 50 tahun dahulu tidak boleh menjamin sepenuhnya kecemerlangan ekonomi masa depan. Model Ekonomi Baru yang diperkenalkan pada tahun 2010 berserta dengan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) dan yang terbaru Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) mengambil kira persekitaraan global yang telah berubah menjadi lebih kompetitif, serta mengenal pasti dan merebut peluang-peluang baru dalam arena global.

Pertumbuhan kini akan didorong oleh kedinamikan modal insan terlatih dan berkemahiran tinggi, pelaburan dalam teknologi, bakat (talent), infrastruktur, pembangunan dan penyelidikan (R&D) dan pemasaran untuk memaksimumkan pertumbuhan hasil jangka panjang dan meningkatkan nilai pasaran.

Model yang baru ini dilihat dapat menganjukkan kedudukan ekonomi negara daripada sebuah negara yang berada pada peringkat pendapatan sederhana tinggi kepada berpendapatan tinggi. Secara tidak langsung ianya dapat membangunkan ekonomi domestik yang dilihat dapat memacu pertumbuhan ekonomi pada masa depan disamping faktor luaran yang terus diperkukuhkan.

Oleh itu, adalah tidak sangsi lagi bahawa dalam sebuah negara kekukuhan permintaan domestik menjadi penentu penting kepada prestasi pertumbuhan ekonominya. Bagi sebuah ekonomi kecil seperti Malaysia, kekukuhan ekonomi domestik masih lagi penting kerana pengalaman silam dan semasa menunjukkan bagaimana permintaan domestik telah menjadi pengimbang kesan negatif perdagangan antarabangsa. Dengan kata lain, ekonomi kecil sekalipun perlu mengukuhkan ekonomi domestiknya kerana kelemahan ekonomi domestik tidak akan dapat menjamin pertumbuhan ekonomi yang mapan dan berterusan dalam jangka panjang.